

# UNITAR lahir modal insan mahir, bermutu

BERITA HARIAN 6/9/18 M/S 31

➔ **Graduan UNITAR mampu penuhi tuntutan pihak industri**

berteraskan pengalaman UNITAR turut disampaikan melalui ekosistem yang mana pelajar diberi kuasa untuk belajar sendiri, manakala ahli akademik pula memainkan peranan bukan hanya di dewan kuliah, tetapi juga sebagai mentor dan penyelia projek pelajar dengan industri," katanya.

yang lebih luas melangkaui proses konvensional di dalam dewan kuliah bagi melahirkan graduan yang mampu memenuhi tuntutan pasaran kerja pada masa depan.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan UNITAR di sini, baru-baru ini, dunia pekerjaan pada masa akan datang secara teknikalnya akan membabitkan keupayaan menangani analisis dan berkait rapat dengan internet, sekali gus memerlukan seseorang individu yang dapat menghubungkan teknologi bagi memberi nilai kepada organisasi, perniagaan dan komuniti.

"Mengambil kira keperluan itu, UNITAR mereka bentuk semula kurikulum dengan menggunakan kurikulum berasaskan kompetensi yang dimiliki sifat graduan itu sendiri, iaitu kerjasama, penyelesaian, reaktif dan keusahawanan (CARE).

"Selain itu, pembelajaran

**Oleh Nor Azma Laila**  
noazma@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**P**eningkatan tekanan global disebabkan oleh ketidakpastian pasaran dan dipergiatkan lagi dengan cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) mengubah landscape pembangunan modal insan pada hari ini.

Sehubungan itu, UNITAR International University (UNITAR) mengutamakan pendekatan pembelajaran berteraskan pengalaman



**Suasana pembelajaran selesa dan menyeronokkan mampu melonjak kecemerlangan.**

## info

➔ **UNITAR** merangkumi program Pengajian Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan juga Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang seperti Perakaunan, Perniagaan, Kewangan, Teknologi Maklumat, Keusahawanan, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling, Kemanusiaan, Hospitaliti, Kulineri dan Pelancongan

infrastruktur dan kemudahan pembelajaran, pentadbiran dan kegiatan aktiviti pelajar adalah penting untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan pengalaman bagi memastikan mereka dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik daripada pihak universiti.

Kampus Utama UNITAR yang terletak di Kelana Jaya dan 10 kampus lain di seluruh negara kini mempunyai lebih 6,500 pelajar.

Sementara itu, kemasukan UNITAR bagi pengambiln Oktober 2018 kini dibuka di kampus utama bertempat di Kelana Jaya dan 10 kampus lain di seluruh negara, terma-

suk Alor Setar, Johor Bahru, Kota Bharu, Ipoh, Kota Kinabalu, Kuching, Kuala Terengganu, Kuantan, Seremban dan Melaka.

Bersempena dengan pengambilan itu, UNITAR akan mengadakan Hari Terbuka 2018 pada 22 dan 23 September 2018, bermula jam 9 pagi hingga 5 petang, bertempat di kampus utama UNITAR, Kelana Jaya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut atau mengemukakan sebarang pertanyaan, orang ramai boleh melayari laman web [www.unitar.my](http://www.unitar.my) atau menghubungi talian 03-7627 7200 atau e-mel kepada [enquiries@unitar.my](mailto:enquiries@unitar.my).